



**SURAT PEKELILING KEWANGAN
BILANGAN 10 TAHUN 2021**

**PELAKSANAAN MORATORIUM BAYARAN BALIK
SKIM PEMBIAYAAN KENDERAAN DAN KOMPUTER
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

Pejabat Bendahari

16 Julai 2021

Disalinkan kepada :

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)

Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)

Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.03.04.01/100-3/3/2 Jld. 11 (10)

16 Julai 2021

SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL. 10 TAHUN 2021

PELAKSANAAN MORATORIUM BAYARAN BALIK SKIM PEMBIAYAAN KENDERAAN DAN KOMPUTER UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling Kewangan ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua staf Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) berkenaan pelaksanaan Moratorium Bayaran Balik Skim Pembiayaan Kenderaan Dan Komputer UTeM.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Sebagaimana kita sedia maklum, negara kini berdepan dengan cabaran kritikal disebabkan penularan wabak COVID-19 yang berpanjangan telah memberikan kesan kepada seluruh rakyat Malaysia.
- 2.2 Pada 28 Jun 2021, YAB Perdana Menteri Tan Sri Dato' Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin telah mengumumkan pemberian moratorium melalui pelaksanaan Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH).
- 2.3 Sebagai tanda kebersamaan UTeM dalam menyokong usaha Kerajaan, Mesyuarat Lembaga Pengarah UTeM (LPU) Bil. 3/2021 yang telah bersidang pada 5 Julai 2021 telah bersetuju melaksanakan pemberian moratorium bayaran balik Skim Pembiayaan Kenderaan dan Komputer UTeM kepada staf yang layak.

3.0 PELAKSANAAN MORATORIUM BAYARAN BALIK SKIM PEMBIAYAAN KENDERAAN DAN KOMPUTER UTeM

3.1 Moratorium bayaran balik Skim Pembiayaan Kenderaan dan Komputer UTeM merupakan inisiatif Universiti untuk membantu meringankan beban kewangan staf yang terkesan seterusnya membolehkan staf membuat perancangan kewangan yang lebih berkesan bagi mendepani cabaran pandemik Covid-19 ini.

3.2 Syarat-syarat pertimbangan pemberian moratorium ini kepada staf adalah seperti berikut:

3.2.1 staf bertaraf tetap atau kontrak yang mempunyai pembiayaan dengan UTeM;

3.2.2 pasangan (suami/isteri) atau ahli keluarga (ibu/bapa/adik-beradik) staf yang terjejas pendapatannya disebabkan:

- i. diberhentikan kerja;
- ii. pengurangan bayaran gaji;
- iii. tiada kemampuan untuk meneruskan perniagaan; atau
- iv. pengurangan pendapatan perniagaan.

3.2.3 staf perlu membuat permohonan dengan mengisi Borang Permohonan Moratorium Skim Pembiayaan Kenderaan dan Komputer UTeM (seperti Lampiran A);

3.2.4 staf perlu mengemukakan dokumen sokongan yang mengesahkan pasangan/ahli keluarga staf yang terjejas pendapatannya, seperti:

- i. Surat/notis pemberhentian oleh majikan;
- ii. Slip gaji sebelum dan selepas pengurangan gaji; atau

- iii. Surat akuan pengurangan atau hilang pendapatan perniagaan yang telah disahkan.
- 3.2.5 penangguhan bayaran untuk tempoh tiga (3) bulan bermula pada pembayaran gaji bulan Ogos 2021 sehingga Oktober 2021;
- 3.2.6 kadar keuntungan pembiayaan dikekalkan dan tidak diambil kira dalam tempoh moratorium;
- 3.2.7 staf perlu menandatangani persetujuan pindaan jadual bayaran balik pembiayaan;
- 3.2.8 kelulusan tempoh moratorium bagi staf kontrak adalah tertakluk kepada tempoh kontrak perkhidmatan; dan
- 3.2.9 keputusan kelulusan permohonan adalah muktamad.

4.0 PEMAKAIAN

- 4.1 Surat Pekeliling Kewangan ini boleh dicapai di laman web Pejabat Bendahari melalui pilihan menu e-Peraturan Kewangan dan berkuatkuasa dari tarikh surat ini dikeluarkan.
- 4.2 Borang permohonan dan dokumen sokongan yang lengkap perlu dihantar sebelum pada tarikh tutup permohonan.
- 4.3 **Tarikh tutup permohonan pada 30 Julai 2021.**
- 4.4 Sebarang pertanyaan lanjut boleh menghubungi pegawai Unit Emolumen dan Pembiayaan, Pejabat Bendahari di talian 06-270 2080, 06-270 1535 atau 06-270 2048.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”

Saya yang menjalankan amanah,



KHAIRUL BIN TAIB

Bendahari

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

NEM/UEP/BPK/2021

 <p>UTeM اونیورسیتی تیکنیکل ملیسیا ملاک UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA</p>	<p>Universiti Teknikal Malaysia Melaka Hang Tuah Jaya, 76100 Durian Tunggal, Melaka, Malaysia.</p>	<p>+606 270 1000 +606 270 1022 www.utem.edu.my</p>
BORANG PERMOHONAN MORATORIUM SKIM PEMBIAYAAN KENDERAAN DAN KOMPUTER UTeM		
Jenis Skim Pembiayaan : <input type="checkbox"/> Kenderaan <input type="checkbox"/> Komputer		
BAHAGIAN A : BUTIRAN PEMOHON		
Taraf Perkhidmatan : <input type="checkbox"/> Tetap <input type="checkbox"/> Kontrak		
Nama : _____ No. Staf : _____ No. K/P : _____ Jawatan : _____ PTj : _____ No. Pejabat : _____ No. H/P : _____ Alamat e-mail : _____		
BAHAGIAN B : JUSTIFIKASI PERMOHONAN		
Saya berhasrat untuk memohon moratorium bayaran balik pembiayaan saya kerana pasangan/ahli keluarga saya : <input type="checkbox"/> telah diberhentikan kerja <input type="checkbox"/> tiada kemampuan untuk meneruskan perniagaan <input type="checkbox"/> pengurangan bayaran gaji <input type="checkbox"/> pengurangan pendapatan perniagaan <input type="checkbox"/> Lain-lain (sila nyatakan) : _____		
Butiran pasangan/ahli keluarga: <input type="checkbox"/> Suami / Isteri <input type="checkbox"/> Ibu / Bapa / Adik-beradik Nama : _____ No. K/P : _____ No. H/P : _____		
BAHAGIAN C : AKUAN PEMOHON		
Saya dengan ini mengakui bahawa maklumat yang dinyatakan seperti di atas adalah benar dan saya faham serta akur akan syarat-syarat moratorium bayaran balik Skim Pembiayaan Kenderaan dan Komputer UTeM sepertimana yang dinyatakan dalam Bahagian E. Tandatangan Pemohon : _____ Tarikh : _____		
BAHAGIAN D : KELULUSAN BENDAHARI		
<input type="checkbox"/> Diluluskan <input type="checkbox"/> Tidak Diluluskan		
----- KHAIRUL BIN TAIB Bendahari Universiti Teknikal Malaysia Melaka		Tarikh : _____



 **Universiti Teknikal Malaysia Melaka**
 Hang Tuah Jaya,
 76100 Durian Tunggal,
 Melaka, Malaysia.

 +606 270 1000
 +606 270 1022
 www.utem.edu.my

BAHAGIAN E : SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

1. Staf bertaraf tetap atau kontrak yang mempunyai pembiayaan dengan UTeM.
2. Pasangan (suami/isteri) atau ahli keluarga (ibu/bapa/adik-beradik) staf yang terjejas pendapatannya disebabkan:
 - i. diberhentikan kerja
 - ii. pengurangan bayaran gaji
 - iii. tiada kemampuan untuk meneruskan perniagaan
 - iv. pengurangan pendapatan perniagaan
3. Staf perlu membuat permohonan dengan mengisi Borang Permohonan Moratorium Skim Pembiayaan Kenderaan dan Komputer UTeM.
4. Staf perlu mengemukakan dokumen sokongan yang mengesahkan pasangan/ahli keluarga staf yang terjejas pendapatannya, seperti:
 - i. Surat/notis pemberhentian oleh majikan
 - ii. Slip gaji sebelum dan selepas pengurangan gaji
 - iii. Surat akuan pengurangan atau hilang pendapatan perniagaan yang telah disahkan
5. Penangguhan bayaran untuk tempoh tiga (3) bulan bermula pada pembayaran gaji bulan Ogos 2021 sehingga Oktober 2021.
6. Kadar keuntungan pembiayaan dikekalkan dan tidak diambil kira dalam tempoh moratorium.
7. Staf perlu menandatangani persetujuan pindaan jadual bayaran balik pembiayaan.
8. Kelulusan tempoh moratorium bagi staf kontrak adalah tertakluk kepada tempoh kontrak perkhidmatan.
9. Keputusan kelulusan permohonan adalah muktamad.
10. Borang permohonan dan dokumen sokongan yang lengkap perlu dihantar atau e-mail sebelum atau pada tarikh tutup permohonan kepada:

Unit Emolumen dan Pembiayaan
 Bahagian Pengurusan Kewangan
 Pejabat Bendahari
 Universiti Teknikal Malaysia Melaka
 Aras 1, Bangunan Canselori,
 Hang Tuah Jaya,
 76100 Durian Tunggal, Melaka.
 e-mail : nurezean@utem.edu.my
zuhana@utem.edu.my
mariana@utem.edu.my
11. Tarikh akhir penghantaran permohonan adalah pada **30 Julai 2021**.
12. Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut boleh hubungi pegawai kami di talian 06-2702080, 06-2701535 atau 06-2702048